**Edisi Bandar dan PJ**

# *Bila Menteri dan keluarga walkathon*

"SAYA tidak akan ketinggalan, Datuk, walaupun badan besar sedikit," kata Menteri Pertanian, Datuk Shariff Ahmad (No. 38) kepada Datuk Hussein Onn (No. 1) diikuti oleh hilai ketawa dari Menteri-menteri yang lain.

Di antara Menteri-meneteri yang mengambil bahagian ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri sekali), Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan (No. 35), Timbalan Menteri Undang-undang, Datuk Abdullah Abdul Rahman (No. 111), Timbalan Menteri Penerangan, Dr. Ling Liong Sik (No. 101), Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Encik Leo Moggie (sebelah kiri Datuk Hussein Onn).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Pan (No. 52), Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat (39), Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Samad Idris, Timbalan Menteri Luar, Datuk Mokhtar Hashim (No. 99) dan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia





## Lihat, ayah masih sihat dan kuat

■ "TENGOK badan ayah masih sihat dan kuat selepas berjalan jauh" kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada kedua-dua anak lelakinya.

Kedua anaknya, Mirzan, 21 (kanan) dan adiknya, Mukhriz, 16 (kiri) ketawa melihatkan telatah ayah mereka.

Mirzan baru saja pulang cuti dari England sementara adiknya sekarang sedang menuntut di Maktab Rendah Sains Mara, Kelantan.

Peristiwa di antara ayah dan anak ini berlaku di upacara Walkathon anjuran BAKTI yang mana ibu mereka, Datin Seri Dr. Hasmah menjadi Pengerusi Walkathon tersebut.

Walkathon BAKTI diadakan bagi mengutip derma untuk membiayai perbelanjaan kanak-kanak jantung berlubang untuk mendapat rawatan ke luar negeri.

Lebih $170,000 berjaya dikutip yang merupakan derma orangramai dan syarikat-syarikat swasta.



Gambar2 BH Oleh CHAI KHIAN CHONG

MENTERI–Menteri bersama isteri dan anak–anak mereka di garisan permulaan Walkathon Bakti yang diadakan di Kuala Lumpur semalam.

Tidak ketinggalan untuk turut sama dalam Walkaton tersebut ialah Yang Dipertua BAKTI, Datin Suhailah (No. 3), Pengerusi Jawatankuasa Walkathon, Datin Seri Dr. Hasmah (No. 9), Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Tan Sri Kadir Yusof (no. 27), Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Sulaiman Daud (No. 70), dan Tan Sri Fatimah Hashim (No. 28).

Dari Walkathon tersebut BAKTI berjaya mengutip lebih $170,000 bagi membiayai perbelanjaan rawatan pesakit–pesakit jantung kanak–kanak ke luar negeri.

Dalam ucapannya, Datin Suhailah menyatakan gembiranya dengan sambutan orang ramai terutamanya swasta menghulurkan derma membantu mereka yang tidak berkemampuan menjalani rawatan ke luar negeri.



■ YANG Dipertua BAKTI, Datin Suhaila menerima sekeping cek dari salah seorang penderma di upacara penyampaian derma yang diadakan di kawasan Parlimen, Kuala Lumpur semalam sempena Walkathon BAKTI.